



# UMP di kedudukan 301-400 penarafan THE University Impact Rankings 2023

Jun 4, 2023 @ 8:41pm

WADAH PEMBAHASUAN  
65 TAHUN  
BH

TVET  
MALAYSIA

THE  
IMPACT  
RANKINGS

Congratulations

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
**RANKED #301-400**

IN TIMES HIGHER EDUCATION  
IMPACT RANKINGS 2023

#7 IN MALAYSIA

UNIVERSITI  
PAHANG

TEKNOLOGI UNTUK MASYARAKAT

QS STARS™ RATING SYSTEM

QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS

THE IMPACT RANKINGS

Green Metric

US News

www.ump.edu.my

KUALA LUMPUR: Universiti Malaysia Pahang (UMP) berada di kedudukan 301-400 terbaik dunia daripada 1,591 universiti seluruh dunia dan ketujuh terbaik di negara ini

dalam penarafan Times Higher Education (THE) University Impact Rankings diumumkan baru-baru ini.

Pada penilaian tahun ini, UMP tersenarai dalam Tujuh Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) SDG1: No Poverty (#101-200), SDG4: Quality Education (#301-400), SDG6: Clean Water and Sanitation (#101-200), SDG7: Affordable and Clean Energy (#53), SDG9: Industry, Innovation and Infrastructure (#401-600) dan SDG12: Responsible Consumption and Production (#201-300) dan SDG17: Partnership for the Goals (#101-200), yang menunjukkan hubungan baik universiti dengan pelbagai pihak dan peringkat termasuk komuniti serta industri.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin, berkata dalam usaha mencapai matlamat Pembangunan Kampus Lestari berdasarkan Pelan Strategik UMP 2021-2025, universiti memfokuskan kemajuan pembangunan kampus lestari dan mampan.

"Pada tahun ini, Inisiatif Kampus Lestari akan dirancakkan dengan beberapa perancangan dalam mengurangkan impak pengangkutan terhadap alam sekitar.

"Projek Pengairan Tanaman dan Penghutanan Kampus turut dijalankan menerusi kajian penyelidikan UMP Lestari Smart Irrigation Systems," katanya.

Selain itu, katanya, pelbagai usaha akan terus dilaksanakan bagi memastikan amalan penjimatan tenaga dan sumber seperti pengurangan penggunaan air dirawat (treated water).

"Ia akan direalisasikan melalui penggunaan peralatan cekap air, penukar lampu sedia ada kepada lampu jimat tenaga secara berperingkat, serta penjimatan tenaga elektrik termasuklah sasaran pengurangan pembebasan karbon turut dijadikan agenda utama universiti.

"UMP bertekad untuk mencapai sasaran neutral karbon pada tahun 2050 dan telah memperkenalkan UMP Carbon Neutral Roadmap berdasarkan empat fasa penurunan karbon secara berperingkat," katanya.

Pihaknya turut akan sentiasa berusaha keras dalam memperkasakan budaya amalan lestari di universiti bagi melindungi alam sekitar dan menyumbang kepada pembangunan mampan.

Matlamat utama THE Impact Ranking adalah mengenalpasti impak universiti dan kesannya terhadap masyarakat berdasarkan kejayaan institusi dalam melaksanakan 17 SDG yang digariskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dengan matlamat untuk mencapai masa depan yang lebih baik dan lebih mampan menjelang 2030.